

16/03/2002

Malaysia, Russia sedia jalin kerjasama bina pesawat

Ahmad Rejal Arbee

MOSCOW, Jumaat - Malaysia dan Russia bersetuju menubuhkan sebuah agensi bagi membolehkan kedua-dua negara berkerjasama dalam bidang penerbangan dan angkasa lepas.

Penubuhan agensi itu dibincangkan pada pertemuan empat mata antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden Russia, Vladimir Putin di sini semalam.

Menjawab soalan seorang pengusaha Russia pada forum Perdagangan dan Teknologi anjuran Matrade, Tabung Kerjasama Asean - Russia serta Institut Kepimpinan dan Strategik Asia (Asli), Dr Mahathir berkata Malaysia sedang meninjau kemungkinan bekerjasama dengan Russia dalam bidang penerbangan dan angkasa lepas.

Beliau berkata, Malaysia sedar Russia mempunyai kepakaran teknologi tinggi dan mahir dalam pembuatan kapal terbang.

Malaysia, katanya, yang belum mempunyai kepakaran dalam bidang mereka bentuk dan pembinaan kapal terbang, berharap dapat mempelajarinya dari Russia.

Malaysia kini membuat beberapa komponen kapal terbang untuk Boeing dan Airbus Industri. Difahamkan komponen itu termasuk beberapa bahagian sayap pesawat yang dibuat di sebuah kilang di Balakong.

Dr Mahathir berkata, jika Malaysia bekerjasama dengan Russia, mereka boleh mengusahakan cara mengurangkan kos pembinaan kapal terbang. Kedua-dua negara akan mengkaji kemungkinan itu.

Menjawab soalan seorang pengusaha pelancongan Russia, Dr Mahathir menyarankan agensi pelancongan Russia berusaha mengadakan penerbangan tempahan untuk membawa masuk pelancong negara ini ke Malaysia.

Jika jumlah pelancong meningkat, kedua-dua negara boleh mengkaji kemungkinan syarikat penerbangan masing-masing, Penerbangan Malaysia dan Aeroflot, mengadakan penerbangan berjadual antara Kuala Lumpur dan Moscow.

Perdana Menteri turut menyarankan usahawan kedua-dua negara mengadakan kerjasama dalam industri perikanan dan sumber lautan di Malaysia.

Industri itu belum begitu maju di Malaysia hinggakan nelayan dari negara jiran menceroboh untuk mendapatkan sumber lautan Malaysia.

Dr Mahathir kemudian mengadakan perjumpaan dengan kira-kira 90 pelajar Malaysia di Russia pada jamuan malam yang diberikan Kedutaan Malaysia kepada rombongan Perdana Menteri di Hotel Radisson Slavjanskaya.

Dalam ucapan ringkasnya, beliau menjelaskan Malaysia akan mengkaji kemungkinan menghantar pelajarnya mengikuti pengajian di beberapa bidang tertentu yang Russia mempunyai kepakaran tinggi seperti angkasa lepas, kejuruteraan dan sains.

Malaysia kini terpaksa mengambil pekerja dari luar negara untuk industri angkasa lepas. Sekarang ini hampir keseluruhan pelajar Malaysia di sini mengikuti kursus perubatan berikutan dengan pengiktirafan lulusan kedoktoran dari lima universiti di negara ini.

Perdana Menteri berkata, kejayaan Malaysia memerangi kemerosotan ekonomi angkara spekulator mata wang pada 1997 dengan cara sendiri, kini mendapat sanjungan pelbagai agensi antarabangsa, yang dulunya memberi kecaman.

Malah, ketika Malaysia berusaha mendapatkan suntikan kewangan antarabangsa melalui pengeluaran bon kedaulatan, ia mendapat langganan melebihi tiga kali ganda termasuk permohonan daripada spekulator mata wang yang sebelum ini bertekad tidak lagi mahu membuat pelaburan di Malaysia.

"Ini menunjukkan mereka sudah mengubah pendirian kerana yakin terhadap

perkembangan ekonomi negara," katanya.

Hari ini Dr Mahathir melawat Institut Kimia Bio-Organic Shemyakin dan Ovchinnikov, Pusat Akademi Sains, diikuti pertemuan dengan Perdana Menteri Russia, Mikhail Kasyanov.

Beliau kemudian bersolat Jumaat di Masjid Prospect Mira, masjid tertua di Moscow.

Petang ini, Dr Mahathir melawat Institut Penerbangan Zhukovsky dan melihat demonstrasi jet pejuang SU-30.

Kementerian Pertahanan sedang menguji kemampuan pesawat itu, dalam rangka mengkaji kemungkinan membelinya untuk Tentera Udara Diraja Malaysia.

(END)